

Cuba elakkan perkara-perkara yang menyebabkan vulvovaginitis lebih teruk:

- ❖ Pakai seluar dalam kapas yang longgar dan elakkan seluar/jeans yang ketat.
- ❖ Ukur berat badan anak anda dan dapatkan nasihat jika berat badannya berlebihan daripada yang sepatutnya untuk umur dan ketinggiannya.
- ❖ Jangan gunakan terlalu banyak sabun semasa mandi dan pastikan kemaluan dibilas dengan baik.
- ❖ Elakkan daripada buih sabun dan jangan gunakan antiseptik semasa mandi.

### **PERKARA PENTING UNTUK DIINGAT**

- ❖ Vulvovaginitis adalah masalah yang sangat biasa berlaku pada kanak-kanak perempuan.
- ❖ Ia mungkin sering berulang tetapi akan bertambah baik apabila anak anda semakin membesar.
- ❖ Dalam kebanyakan kes ringan, tiada rawatan atau ujian diperlukan.

Risalah Maklumat Untuk Pesakit ini diterjemah daripada "Vulvovaginitis" Kid's Health Info, Royal Children's Hospital, Melbourne.  
[https://www.rch.org.au/kidsinfo/fact\\_sheets/Vulvovaginitis/](https://www.rch.org.au/kidsinfo/fact_sheets/Vulvovaginitis/)

Diterjemah oleh:  
Dr Hamidah & Dr Lavitha Sivapatham,  
Jabatan O&G, Hospital Ampang  
April 2018

Untuk maklumat lebih lanjut, sila berhubung dengan  
Dr Lavitha Sivapatham  
Pakar Ginekologi Kanak Kanak & Remaja,  
Jabatan O&G, Hospital Ampang

## **INFORMASI UNTUK PESAKIT**

# **VULVOVAGINITIS**

## **(KERADANGAN PADA FARAJ & BIBIR FARAJ)**

Vulvovaginitis adalah keradangan atau iritasi pada vagina (faraj) dan vulva (bibir faraj).

Vulvovaginitis adalah masalah yang agak biasa berlaku kepada kanak-kanak perempuan dan boleh terjadi pada bila-bila masa. Sebilangan kanak-kanak perempuan mungkin mengalami vulvovaginitis berulang-ulang kali. Vulvovaginitis biasanya akan berkurangan apabila payudara mula berkembang (apabila paras hormone estrogen meningkat).

Vulvovaginitis bukanlah masalah yang serius pada kebanyakan kanak-kanak perempuan dan ia biasanya akan sembah hanya dengan langkah-langkah yang mudah. Kebanyakan kes tidak memerlukan sebarang ujian atau rawatan.

## TANDA DAN GEJALA

Kanak-kanak yang mengalami vulvovaginitis sering mempunyai:

- ❖ Rasa gatal di kawasan vagina
- ❖ Lendir daripada vagina
- ❖ Kemerahan pada kulit di antara labia majora (di bibir luar vagina)
- ❖ Rasa pedih apabila kencing

## PUNCA

Perkara-perkara yang boleh menyebabkan vulvovaginitis adalah:

- ❖ Kanak-kanak mempunyai lapisan vagina dan vulva yang sangat nipis dan ini menyebabkan ia mudah mengalami keradangan.
- ❖ Bahagian vulva yang lembap. Pakaian ketat dan obesiti boleh menyebabkan keadaan ini semakin teruk.
- ❖ Bahan yang boleh merengsa (sabun, buih sabun, antiseptik dll).
- ❖ Cacing ‘threadworm’ boleh menyebabkan atau memburukkan lagi masalah vulvovaginitis. Kanak-kanak yang mengalami jangkitan cacing biasanya akan mengalami kegatalan di bahagian kemaluan dan sering menggaru terutamanya pada waktu malam. Jika kegatalan merupakan gejala utama, doktor anak anda akan mencadangkan anak anda untuk menjalani ujian tertentu untuk mengenalpasti punca tersebut.

## RAWATAN

Dalam kebanyakan kes ringan, tiada rawatan atau ujian diperlukan.

Dalam kes-kes yang lebih serius, doktor mungkin akan mengambil sampel di bahagian kemaluan untuk pemeriksaan tetapi keputusan ini mungkin tidak banyak membantu.

Jika anak anda mempunyai masalah vulvovaginitis yang lebih teruk, lelehan bercampur darah atau masalah kulit yang lain, anak anda perlu dirujuk kepada pakar pediatrik atau pakar lain untuk pemeriksaan lanjut.

## PENJAGAAN DI RUMAH

- ❖ Ibubapa perlu bertengang dan tidak perlu bimbang. Ini adalah masalah biasa dan boleh berlaku sepanjang proses pembesaran untuk kebanyakan kanak-kanak.
- ❖ Sesetengah orang berpendapat berendam dalam larutan cuka atau garam boleh membantu (tambah sedikit cuka putih atau garam ke dalam besen dan rendam selama 10 hingga 15 minit). Lakukan ini setiap hari selama beberapa hari dan lihat jika ia membantu anak anda.
- ❖ Krim/losyen yang menenangkan (contohnya parafin lembut, krim ruam lampin) boleh membantu mengurangkan kesakitan. Ianya kalis air dan melindungi kulit dari lelehan yang boleh menyebabkan keradangan.

Anda mungkin perlu mengulangi langkah-langkah ini jika masalah itu berulang